

26/10/2002

Dr M mahu Umni Hafilda bukti dakwaan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Umni Hafilda Ali mengemukakan bukti berhubung dakwaannya bahawa Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman Said, terbabit dalam kegiatan lesbian.

Perdana Menteri berkata, Umni Hafilda perlu membuktikan bahawa dakwaan yang dibuatnya itu benar, bukannya membuat tuduhan melulu tanpa bukti sah.

Ditanya pendirian Umno terhadap pemimpin yang terbabit dalam kegiatan homoseks dan lesbian, Presiden Umno itu berkata:

"Pendirian kita jelas. Kita tidak menerima budaya seperti ini. Jika ada yang terbabit, dia boleh pergi (disingkirkan dari Umno)."

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, petang ini.

Baru-baru ini, Umni Hafilda menerima surat tunjuk sebab dari Lembaga Disiplin Umno mengapa tindakan tidak boleh diambil terhadapnya kerana mengadakan sidang akhbar yang dianggap mencela Azalina.

Umni Hafilda akan dipanggil lembaga itu pada 28 Oktober ini. Sebelum itu, Umni Hafilda pada sidang akhbarinya mencabar Azalina supaya mengangkat sumpah di depan al-Quran di masjid bagi membersihkan namanya dari dakwaan itu.

Beliau adalah antara lima orang yang menawarkan diri sebagai calon Ketua Puteri. Selain Azalina, tiga lagi ialah Raihan Sulaiman, Mastina Abdul Hamid dan Mazibah Mohd Zain.

Bagaimanapun, semua 165 bahagian Puteri yang selesai bermesyuarat 15 Oktober lalu, mencalonkan Azalina manakala empat lagi tidak mendapat sebarang pencalonan.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata mesyuarat MT Umno hari ini turut membincangkan Perhimpunan Puteri Umno pada 1 November ini yang akan dirasmikannya selaku Presiden parti.

"Persiapan untuk pemilihan sudah pun dibuat. Disahkan hanya seorang calon untuk jawatan Ketua Puteri," katanya.